

DI DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

RAYUAN MAL NO: 11000-017-XXXX-2019

ANTARA

XXXX
NO KP: 560330-11-XXXX

... PERAYU

DAN

XYX1
NO. KP: 550810-11-XXXX

... RESPONDEN (1)

XYX2
NO KP: 571216-11-XXXX

...RESPONDEN (2)

Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu, Kuala Terengganu, di Negeri Terengganu Darul Iman, Y.A.A Tuan Haji Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd (Pengerusi), Y.A.A Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Md. Yunos (HMRyS), Y.A.A Dato' Hj Abdul Walid bin Abu Hassan (HMRyS), pada 10 Oktober 2019 bersamaan 11 Safar 1441H.

[Rayuan No: 11000-017-0005-2019]

Peguam Syarie : Hj. Ismail b Mohd dari Tetuan Hj Ismail.Co

Perayu

Peguam Syarie : Asmayani Suhaida bt Kamaruddin dari Tetuan
Responden 1 Zamani Mohammad & Co

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Kes ini merupakan satu rayuan yang dikemukakan oleh Perayu terhadap Responden-Responden kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di dalam kes tuntutan harta sepencarian, kes Mal No. 11100-017-0XXX-2017 yang diberikan pada 3/10/2017.

[2] Peguam Syarie Perayu telah memasukkan Notis Rayuan pada 23/10/2018 bagi merayu keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu tersebut. Alasan Rayuan Perayu dan *wakalah* Peguam Syariyenya pula difailkan pada 7/3/2019, yang mengandungi 9 alasan, iaitu:

- i. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan hukum syarak apabila mensabitkan sesuatu tuntutan bagi pihak orang yang telah mati (*mudda'i*) terhadap pihak yang juga telah mati (*mudda'i alaih*) terhadap harta sepencarian.
- ii. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dalam mentafsirkan kehendak Seksyen 2 (1) dan Seksyen 59 (1) (2) (3) (4) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 2017 (Pindaan) sedangkan penentuan takat sumbangan berdasarkan sumbangan pihak-pihak tidak diputuskan oleh mahkamah.
- iii. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang menerima tuntutan Responden-Responden setelah 30 tahun Si Mati 1 meninggal dunia sedangkan

Responden-Responden boleh membuat tuntutan ketika Si Mati 2 masih hidup lagi.

- iv. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi hukum syarak dalam menentukan hak harta sepencarian sama ada dengan dalil atau adat.
- v. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi hukum syarak tentang pendapat fuqaha tentang urusan harta peninggalan Si Mati mengikut tertib sama ada harta sepencarian yang tidak dituntut oleh suami isteri adalah termasuk dalam hutang Si Mati.
- vi. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah tersilap arah dalam mensabitkan tuntutan Responden-Responden sebanyak $\frac{1}{2}$ bahagian tetapi dalam masa yang sama bersetuju Responden-Responden gagal membuktikan takat sumbangan Si Mati 1 terhadap pemerolehan harta sepencarian.
- vii. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf apabila mensabitkan tuntutan hanya berasaskan satu pendapat sahaja tentang disebabkan wujudnya ikatan perkahwinan untuk sabitan $\frac{1}{2}$ bahagian.
- viii. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi fakta apabila hanya mensabitkan $\frac{1}{8}$ bahagian sahaja daripada $\frac{1}{2}$ bahagian SI Mati 2 bersama Perayu yang hidup dalam tempoh 30 tahun bersama SI Mati 2 dan memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung.

- ix. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dalam menilai keterangan saksi yang wujud percanggahan fakta untuk menyokong dakwaan tersebut.

[3] Peguam Syarie Responden-Responden juga memfailkan wakalah bersama Notis Rayuan Balas pada 24/10/2018. Responden-Responden memohon keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu diubah atas alasan-alasan berikut:

- i. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf dari sudut fakta dan undang-undang apabila mensabitkan Perayu terhak kepada 1/8 bahagian daripada ½ bahagian Si Mati 2 sebagai harta sepencarian berdasarkan:
 - a) Tuntutan balas Perayu ke atas hartanah terkeluar daripada takrif harta sepencarian.
 - b) Ketiadaan bukti-bukti dan sumbangan yang dibuat oleh Perayu dalam perolehan hartanah tersebut.

[4] Pada 10/4/2019, Peguam Syarie Responden-Responden membuat bantahan atas dasar Peguam Syarie Perayu memfailkan Notis Rayuan tanpa *wakalah*, seterusnya memohon rayuan Perayu ditolak sementara rayuan balas Responden-Responden pula didengar.

Fakta Kes

[5] Kes ini berkait dengan tuntutan harta sepencarian di antara waris-waris Allahyarham AAA (Si Mati 2) dan Allahyarhamah BBB (Si Mati 1).

[6] Perayu adalah isteri kepada Si Mati 2 yang telah berkahwin pada 11/9/1986 selepas kematian SI Mati 1 (meninggal dunia pada 26/4/1986). Responden-Responden pula adalah anak-anak kepada Si Mati 2 dengan Si Mati 1. Si Mati 2 meninggal dunia pada 17/3/2017, iaitu setelah 30 tahun hidup bersama Perayu.

[7] Pada 14/8/2017, Responden-Responden membuat tuntutan harta sepencarian bagi menuntut hartanah yang memakai keterangan PN XXXX Lot XXXX Mukim Cabang Tiga, Kuala Terengganu, Terengganu beserta bangunan rumah 2 tingkat sebanyak empat (4) pintu (disebut '**hartanah tersebut**') sebagai harta sepencarian di antara Si Mati 2 dan Si Mati 1.

[8] Melalui pembelaan dan tuntutan balas bertarikh 3/10/2017, Perayu menuntut balas pula supaya hartanah tersebut diisytiharkan sebagai harta sepencarian di antara Perayu dan Si Mati 2.

[9] Pada 3/10/2017, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah mensabitkan tuntutan harta sepencarian tersebut dan memutuskan kadar $\frac{1}{2}$ bahagian masing-masing kepada Si Mati 2 dan Si Mati 1 sebagai harta sepencarian. Manakala Perayu mendapat kadar $\frac{1}{8}$ bahagian daripada kadar $\frac{1}{2}$ bahagian Si Mati 2 dan baki dibahagikan secara faraid kepada waris-waris yang berhak.

[10] Tidak berpuashati dengan keputusan tersebut, Perayu membawa kes ini ke peringkat rayuan.

Penghakiman oleh Y.A.A Tuan Hj Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd, HMRyS

[11] Sebelum kami dapat menentukan isu utama kes ini sebagaimana alasan-alasan rayuan Perayu, kami melihat pihak Responden-Responden

telah membantah terhadap Notis Rayuan yang difailkan oleh Peguam Syarie Perayu yang mendakwa mewakili Perayu di peringkat rayuan tanpa sebarang *wakalah* difailkan sebagaimana kehendak Seksyen 34 ETMMST 2001.

[12] Kami dapati Notis Rayuan tersebut telah ditandatangani oleh Peguam Syarie Perayu, Tuan Hj. Ismail b Mohd dan difailkan oleh beliau bagi pihak Perayu pada 23/10/2018. Manakala *wakalah* telah difailkan oleh Peguam Syarie Perayu tersebut pada 7/3/2019.

[13] Peguam Syarie Perayu dan Peguam Syarie Responden 1 (mewakili Responden-Responden) telah memfailkan hujahan secara bertulis berhubung dengan isu *wakalah* ini, di mana kami ringkaskan sebagaimana berikut:

(a) Hujahan Peguam Syarie Perayu

- i. Peguam Syarie Perayu tidak mempunyai *locus standi* atau hak untuk mewakili Perayu untuk memfailkan Notis Rayuan dalam tempoh 14 hari kerana tidak ada diberi lantikan oleh Perayu untuk mewakili Perayu.
- ii. Rukun-rukun *wakalah* tidak sempurna.

(b) Hujahan Peguam Syarie Responden 1:

- i. Seksyen 5 ETMMST 2001 memperuntukkan berkaitan isu 'ketakpatuhan' yang masih perlu diberi pertimbangan demi keadilan dan mengutamakan hukum syarak daripada tatacara undang-undang. Mahkamah perlu melihat apakah kesilapan teknikal dari segi prosedur

atau tatacara boleh mengeneipkan keadilan pihak-pihak dari segi hukum syarak.

- ii. Pihak kaunter pendaftaran telah menerima pemfailan Notis Rayuan tanpa meminta *wakalah*.
- iii. Berdasarkan resit bayaran yang diterima oleh Peguam Syarie daripada Perayu, maka akad telah berlaku di antara orang yang memberi wakil kepada orang yang menerima wakil dari segi hukum syarak.

[14] Maka sebelum melihat merit kes, kami perlu menjawab beberapa persoalan sebagaimana bantahan. Jika ia memberi jawapan positif, maka kami akan melihat merit kes. Persoalan-persoalan tersebut adalah:

(1) Sama ada Peguam Syarie Perayu mempunyai *locus standi* untuk bertindak mewakili Perayu memfailkan Notis Rayuan tanpa memfailkan *wakalah* sebagaimana kehendak Seksyen 34 ETMMST 2001; dan

(2) Sama ada ketakpatuhan Seksyen 34 ETMMST 2001 boleh dipertimbangkan demi keadilan pihak-pihak selaras peruntukan Seksyen 5 ETMMST 2001.

[15] Bagi memastikan Peguam Syarie Perayu mempunyai *locus standi* (keahlian) mewakili Perayu ataupun tidak, kami akan meneliti terlebih dahulu adakah pemfailan *wakalah* sebagaimana kehendak Seksyen 34 ETMMST 2001 tersebut dianggap sebagai mandatori atau formaliti; dan apakah ketakpatuhannya boleh disembuhkan.

[16] *Wakalah* adalah perkara asas yang perlu dipatuhi sebelum memulakan apa-apa tindakan oleh pihak yang mewakili. Dalam kitab الاحكام

مجالة العدلية Fasal 5, Bab Hak *Wakalah* Dibicara, Perkara 1517, m/s 497, telah menjelaskan seperti berikut:

1517. Pengakuan ikrar yang dibuat oleh seseorang yang menjadi wakil untuk perbicaraan terhadap orang yang mewakilkannya jika dibuat dihadapan hakim sah. Jika tidak dibuat dihadapan hakim, ia tidak sah dan dia terpecat dari wakalah.

[English Translation:

1517. Any admission made against his client by the person authorised to act as his agent for litigation is valid if made in Court. If made out of Court, it is invalid and the agent may be dismissed.]

[17] Dalam kitab *الحاوى الكبير* oleh Imam Abi Hassan Ali bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi, dalam Bab Wakalah, m/s 205 telah menyatakan seperti berikut:

قال الماوردي : وهذا صحيح . اذا وکله في المخاصمة ، فافر على مواکله ، لم يلزمه اقراره ، وسواء اقر عليه في مجلس الحكم او غيره

Terjemahan: Kata Mawardi: Ini adalah sah. Jika dia mewakilkan dalam perbicaraan, dan dia berikrar atas perwakilan tersebut, tidak diwajibkan ikrarnya sama ada diikrarkan dalam perbicaraan atau selainnya.

[18] Kami juga merujuk kepada pandangan Profesor Dr. Abdul Karim Zaidan di dalam kitabnya *نظام القضاء في الشريعة الاسلامية* Fasal Pertama, Bab Undang-

Undang Yang Wajib Diamalkan, Perkara 395: Dalam Hal Keadaan Kepatuhan Terhadap Hukum-Hukum Fiqh Yang Telah Dikanun, Muassasah al-Risalah, 1997M, Cetakan 3, m/s 212. Beliau telah menegaskan seperti berikut:-

وإذا جاز لولي الأمر تقييد القضاة بمذهب معين للمصلحة وللضرورة على النحو الذي ذكرناه في الفقرة السابقة ، فهل يجوز

لولي الأمر تقنين الأحكام الفقهية التي احتواها المذهب الفقهي الذي أُلزم القضاة بالأخذ به ؟ والجواب : نعم

Apabila harus bagi pemerintah mengikat para hakim dengan mazhab tertentu demi kerana masalah dan dharurah sebagaimana telah kami sebutkannya pada perenggan yang lalu, maka apakah harus bagi waliy Al Amr mengkanunkan hukum-hukum fiqh yang dipenuhi oleh mazhab fiqh dan adakah para hakim diwajibkan mengamalkannya? Jawabannya ya.

[19] Seksyen 34 ETMMST 2001 memperuntukkan berkaitan *wakalah* sepertimana berikut:

(1) Pelantikan seorang Peguam Syarie hendaklah dilafazkan oleh orang yang melantiknya, dan diterima oleh Peguam Syarie yang dilantik sedemikian, di hadapan Mahkamah atau Pendaftar.

(2) Jika seorang Peguam Syarie telah menerima perlantikannya di bawah subseksyen (1), dia hendaklah, sebelum mengambil apa-apa langkah dalam prosiding itu, memfailkan suatu wakalah dalam Borang MS 5.

[English Translation:

(1) The appointment of a Peguam Syarie shall be pronounced by the person who appoints, and accepted by the Peguam Syarie so appointed, before the Court or the Registrar.

(2) Where a Peguam Syarie has accepted his appointment under subsection (1), he shall before taking any step in the proceedings, file a memorandum of appointment in Form MS 5.]

[20] Jika difahami, Seksyen 34 ETMMST 2001 tersebut meletakkan keperluan berkaitan *wakalah*, inter alia, seperti berikut, iaitu orang yang melantik dan Peguam Syarie yang menerima lantikan perlu melafazkan pelantikan. Lafaz tersebut pula hendaklah dibuat di hadapan hakim atau pendaftar. Apabila menerima pelantikan tersebut, Peguam Syarie perlu juga memfailkan *wakalah* di dalam borang MS 5 di mahkamah ini barulah Peguam Syarie boleh mengambil apa-apa tindakan atau langkah dalam prosiding tersebut.

[21] Penggunaan "hendaklah" atau "shall" dalam sesuatu peruntukan, termasuklah peruntukan di bawah Seksyen 34 ETMMST 2001, adalah membawa kepada maksud obligasi undang-undang yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh kedua-dua pihak. Obligasi tersebutlah yang akan mewujudkan akad di antara kedua-dua pihak dalam sesuatu prosiding dan memberikan kuasa *qui facit per alium facit per se*. Kegagalan untuk melakukan obligasi tersebut menyebabkan akad pelantikan seorang Peguam Syarie dan penerimaan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan.

[22] Soal lain, adakah ketakpatuhan terhadap Seksyen 34 ETMMST 2001 boleh disembuhkan? Mahkamah telah merujuk kes *Abdul Ravuff Bin A.S. Dawood Lwn Pasla Holdings Sdn Bhd Dan 23 yang lain* (Rayuan Mal No.

02-01-99 tidak dilaporkan). Pada asalnya isu yang dibangkitkan di Mahkamah Tinggi Syariah ialah tentang bidangkuasa mahkamah untuk mendengar dan memutuskan tentang kes harta pusaka Allahyarham A.S Dawood s/o Abdul Razak. Apabila Mahkamah Rayuan mendengar hujah kedua belah pihak isu yang dibangkitkan oleh wakil Perayu ialah tentang *wakalah* di mana tiada pelantikan peguam dibuat pihak responden-responden kecuali Responden Ketiga iaitu Dato Dr Rahiman A.S Dawood telah melantik En Zuri Zabudin untuk mewakilinya. Peguam Responden yang lain tidak mempunyai *locus standi* dalam kes ini dan lafaz *wakalah* kes yang dirujuk oleh beliau ialah kes mal bil. 198 tahun 1997 (perintah tegahan) dan tiada kaitan dengan kes mal bil. 197 tahun 1997. Ini bermakna kesemua Pihak Yang Kena Tuntut tidak mempunyai *wakalah* dalam kes mal bil. 197 tahun 1997.

[23] Dalam kes *Abdul Ravuff* yang dirujuk ini juga tiada *wakalah* difailkan terhadap kes yang dibicarakan. Lafaz *wakalah* juga tidak dilafazkan bagi kes yang dibicarakan itu. Oleh itu Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengisytiharkan bahawa perbicaraan dan keputusan di mahkamah Tinggi Syariah di dalam kes mal bil. 197 tahun 1997 adalah tidak sah dan terbatal kerana ianya dijalankan tanpa *wakalah* yang sah oleh wakil Defendan-Defendan menurut hukum syarak dan undang-undang di dalam kes tersebut dan kes tersebut hendaklah dibicarakan semula di Mahkamah Tinggi.

[24] Kami telah merujuk kepada Arahan Amalan No 2 Tahun 2004 yang telah menggariskan seperti berikut:

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2004

Penggunaan Wakalah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2004 pada 8hb-9hb Jun 2004 bersamaan 19-20hb Rabiulakhir 1425H di Subang Jaya Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung penggunaan lafaz wakalah di Mahkamah Rendah tidak boleh berurutan ke peringkat Mahkamah yang lebih tinggi dan hanya sah digunakan sebagaimana tajuk prosiding itu sahaja kecuali dinyatakan dengan jelas di dalam lafaz.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 8 Jun 2004.

[25] Bersandarkan kepada Arahan Amalan tersebut, kami berpuashati bahawa *wakalah* di Mahkamah Tinggi Syariah adalah bersifat terhad dan hanya terhenti setakat prosiding di peringkat Mahkamah Tinggi sahaja.

[26] Rujukan boleh dibuat dalam kes *Jali bin Musa lwn Azizah bt Mohd*, Kes Rayuan No.: 11000-017-0001-2015, bertarikh 24 Mac 2015 (tidak dilaporkan); dan *Azman bin Zulkifli lwn Wan Sharifah Norizan binti Ismail*, Kes Rayuan No.: 11000-028-0002-2015, bertarikh 24 Mac 2015 (tidak dilaporkan).

[27] Oleh yang demikian kami berpuashati bahawa syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 34 ETMMST 2001 adalah bersifat mandatori dan ketakpatuhannya tidaklah dapat disembuhkan. Ini bererti lafaz untuk mewakilkan anak guam yang tidak dibacakan dihadapan Pendaftar atau Hakim malah tidak memfailkan borang MS 5 tidak memberikan *locus standi* kepada Peguam Syarie untuk mewakili anak guamnya.

[28] Seterusnya boleh atau tidak ketakpatuhan Seksyen 34 ETMMST 2001 dipertimbangkan demi keadilan pihak-pihak selaras dengan peruntukan Seksyen 5 ETMMST 2001. Seksyen 5 ETMMST 2001 dibaca sepertimana berikut:

Ketakpatuhan mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya tidaklah membatalkan mana-mana prosiding melainkan jika Mahkamah memerintahkan sedemikian, tetapi Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, mengetepikan mana-mana prosiding keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai tak teratur, atau memerintahkan supaya apa-apa pindaan dibuat atas apa-apa terma yang difikirkan adil.

[29] Bagi menentukan pertimbangan demikian, kami perlu melihat samada ketakpatuhan tersebut bersifat kesalahaturan (irregularity) atau bersifat fatal (nullity).

[30] Dalam hal yang melibatkan ketakpatuhan yang bersifat kesalahaturan (irregularity), Mahkamah mempunyai budibicara untuk memerintahkan apa-apa arahan atau remedi alternatif untuk menyembuhkan ketakpatuhan tersebut. Ini adalah kerana lazimnya kesalahaturan ini tidak menjejaskan merit / kausa sesuatu prosiding.

[31] Berbeza dengan ketakpatuhan yang bersifat fatal (nullity), yang mana ianya memberi kesan kepada keabsahan sesuatu prosiding. Dalam kes sebegini, mahkamah tidak mempunyai budibicara untuk memerintahkan apa-apa arahan atau apa-apa remedi untuk menyembuhkan ketidakpatuhan tersebut kerana ketakpatuhan tersebut tidak dapat disembuhkan dan telah menjejaskan merit / kausa / sesuatu

prosiding dari sudut undang-undang mahupun hukum syarak hingga menyebabkan prosiding tersebut menjadi batal dan tidak sah.

[32] Dalam kes ini ketakpatuhan Seksyen 34 ETMMST 2001 adalah merupakan satu mandatori dari segi hukum syarak dan undang-undang berkuatkuasa, dan ketakpatuhannya adalah bersifat fatal dan menyebabkan prosiding dalam kes ini terbatal. Oleh yang demikian, kami tidak dapat memberi apa-apa pertimbangan.

[33] Jika kita melihat kepada prinsip kehakiman atau *al-qada'* itu sendiri menceritakan tujuan dan prinsip keadilan dalam sistem kehakiman Islam, sepertimana disebutkan di dalam kitab *نظام القضاء في الشريعة الاسلامية* sebagai:

... هو الحكم بين الخصوم بالقانون الإسلامي بكيفية مخصوصة . وأريد بالكيفية المخصوصة : كيفية رفع الدعوى إلى القاضي ، والأساليب والضوابط التي يلتزم بها القاضي والخصوم في إجراء التقاضي والترافع أمام القاضي ، و وسائل الإثبات للحق المدعي به ، و وسائل دفع الدعوى ، والتي على أساس هذه الوسائل للإثبات والدفع للدعوى يصدر القاضي حكمه الحاسم للنزاع وفقاً لأحكام الشريعة الإسلامية ، هذه الأحكام التي تكون ما نسميه ب ((القانون الإسلامي))

"...ialah menghukumkan di antara beberapa orang yang bersengketa berdasarkan undang-undang Islam dengan cara-cara yang tertentu. Perkara yang dimaksudkan sebagai 'cara-cara tertentu' ialah cara atau tatacara mengemukakan dakwaan kepada hakim, peraturan dan syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh hakim serta pihak-pihak yang bersengketa dalam prosiding di hadapan hakim, dan kaedah-kaedah pembuktian untuk membuktikan hak dan menolak dakwaan. Berasaskan kepada cara-cara inilah hakim akan memutuskan hukuman dalam sesuatu persengketaan berlandaskan hukum syarak yang kita namakan sebagai undang-undang Islam (*al-qanun al-islami*)".

[34] Oleh yang demikian, kami berpendapat dalam kes ini, tiada ruang yang wajar untuk mahkamah ini mempertimbangkan ketakpatuhan ini demi keadilan pihak-pihak bilamana ketakpatuhan yang dilakukan dibawah Seksyen 34 ETMMST 2001 tersebut tidak dapat disembuhkan dengan apa-apa arahan dan remedy alternatif dalam prosiding ini. Bahkan kami berpendapat sekiranya diberi pertimbangan demikian akan menyebabkan berlakunya ketakadilan dalam bentuk yang lain dan menggalakkan berlakunya penyalahgunaan proses mahkamah dan jelas bertentangan dengan doktrin penyalahgunaan proses dan prinsip keadilan di dalam sistem kehakiman Islam itu sendiri.

[35] Kami mendapati bahawa ketakpatuhan seumpama ini telah menjadi kebiasaan amalan pengamal guaman syarie. Kami menegaskan disini bahawa amalan yang menjadi kebiasaan tapi bertentangan dengan kehendak perundangan yang telah diperuntukkan tidaklah menjadikan amalan itu betul. Bahkan ianya menjadikan tindakan tersebut bersifat fatal. Seharusnya pengamal guaman syarie perlulah melazimkan yang betul mengikut undang-undang sehingga menjadi kebiasaan.

[36] Oleh yang demikian, kami memutuskan bahawa rayuan ini diketepikan kerana ketakpatuhan Seksyen 34 ETMMST 2001.

Keputusan

Dengan ini, setelah meneliti Notis dan Alasan Rayuan, Rekod Rayuan serta hujahan bertulis kedua-dua pihak, kami sebulat suara bersetuju dan memuat penghakiman seperti berikut:

1. Rayuan Perayu ditolak.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN dan Meterai Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Terengganu pada hari Khamis, 10 Oktober 2019 bersamaan 11 Safar 1441H.

(Meterai)

.....

Ketua Pendaftar